

A BILINGUAL INFO

MAKLUMAT UMUM UNTUK PENERBIT PERSEMBAHAN (PANGGUNG SARI)

1. Umum

Panggung Sari merupakan pentas teater pertama di Malaysia yang dilengkapi sistem teknologi pentas yang moden. Panggung utama ini mempunyai tiga (3) tingkat yang memuatkan 1411 penonton.

2. Permohonan

2.1 Setiap permohonan mesti menggunakan Borang Cadangan Produksi (diperolehi daripada Unit Perhubungan Awam). Borang tersebut wajib dikemukakan berserta dokumen iaitu profil syarikat, pendaftaran SSM, Sijil Kementerian Kewangan, pendaftaran GST, penyata bank (3 bulan berturut-turut), sinopsis/konsep pementasan dan sejarah ringkas syarikat produksi. Permohonan yang lengkap perlu diserahkan kepada Unit Perhubungan Awam, Istana Budaya.

2.2 Persembahan daripada luar negara dan membariskan artis luar negara hendaklah dianjurkan oleh syarikat produksi tempatan. Setelah mendapat kelulusan daripada Istana Budaya, penerbit wajib mengemukakan permohonan kepada Agensi Pusat Permohonan Penggambaran Filem dan Persembahan Artis Luar Negara (PUSPAL), sebuah pusat setempat yang memproses kemasukan persembahan dan artis luar negara. Pusat tersebut boleh dihubungi di talian +603 8911 5356

2.3 Persembahan tempatan yang membariskan artis tempatan sepenuhnya adalah dikecualikan tertaluk kepada **para 2.2**, Persembahan tempatan dan juga luar negara hendaklah memohon lesen hiburan daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Persembahan tersebut juga memerlukan lesen untuk menjual cenderamata dan mempamerkan kain rentang, *billboard* dan sebarang bentuk iklan yang dipamerkan di tempat awam. Lesen-lesen tersebut hendaklah dipamerkan di *Box Office* sepanjang tempoh persembahan berkenaan.

2.4 Penerbit persembahan tempatan juga memerlukan permit daripada pihak polis.

3. Sewaan dan Hasil Kutipan

3.1	Wang Pendahuluan Tempahan	RM3,000.00
3.2	Wang Pendahuluan untuk talian komunikasi (Telefon & Internet)	RM300.00 (persembahan tempatan) RM2,000.00 (persembahan luar negara)
3.3	Persediaan (9:00 pagi – 5:00 petang) (<i>Bump-in</i> , persediaan, latihan, <i>preview</i>) *Caj tambahan dikenakan terhadap persediaan yang diadakan antara 6:00 petang – 9:00 pagi	RM2,250.00 *sehari
3.4	Persembahan dan Matinee *Tempoh maksimum untuk setiap persembahan adalah selama 2 ½ jam, termasuk rehat. Persembahan hendaklah bermula pada pukul 8:30 malam, matinee pada pukul 3.00 petang. Caj tambahan dikenakan terhadap persediaan yang diadakan sebelum atau selepas tempoh yang ditetapkan.	RM15,000.00 *setiap persembahan
3.5	Kutipan Hasil *Selain daripada kadar sewaan di para 3, pihak penerbit juga boleh membayar penggunaan panggung kepada Istana Budaya berdasarkan kepada peratusan agihan kutipan hasil persembahan yang dipersetujui antara Istana Budaya dan penerbit.	

4. Agihan Tempat Duduk Khas

Istana Budaya berhak untuk diagihkan tiket khas bagi setiap persembahan untuk tempat duduk berikut:

- Stalls Q13 – Q22 (10 tempat duduk)
- Stalls R14 – R29 (16 tempat duduk)

5. Panduan Penonton dan Etika Pakaian

Penerbit hendaklah memaklumkan panduan penonton dan etika pakaian seperti di **LAMPIRAN**.

6. Percetakan / Iklan

Sebarang bentuk bahan cetakan atau iklan persembahan hendaklah mengandungi logo rasmi Istana Budaya.

7. Tiket

Penerbit hendaklah menggunakan khidmat agen tiket rasmi yang dilantik oleh Istana Budaya. Penerbit adalah dilarang untuk mencetak tiket atau pas percuma atau kad jemputan dan seumpamanya yang boleh digunakan sebagai kaedah untuk memasuki panggung tanpa kebenaran daripada agen tiket rasmi yang dilantik.

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut boleh menghubungi:

+603 4026 5549 (Nurul Latifatullalliza Anuar) atau +603 4026 5560 (Noorshamsurina Mohd Shaari).

**Maklumat ini adalah tertakluk daripada perubahan tanpa notis.*

Istana Budaya
Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia
Jalan Tun Razak
50694 Kuala Lumpur
Malaysia

Unit Perhubungan Awam

LAMPIRAN

PANDUAN PENONTON

- Penyambut tetamu Istana Budaya berhak menghalang sesiapa sahaja yang tidak mematuhi peraturan-peraturan tersebut daripada menonton persembahan.
- Tiket yang telah dibeli tidak boleh dipulangkan atau ditukar.
- Penonton mesti berada di tempat duduk 15 minit sebelum persembahan bermula.
- Penonton yang lewat akan dibawa ke bilik menunggu sebelum dibenarkan masuk ke auditorium pada masa yang sesuai.
- Kanak-kanak di bawah umur 6 tahun tidak dibenarkan masuk ke dalam auditorium kecuali bagi produksi khusus untuk kanak-kanak.
- Hanya bagi persembahan matinee, kanak-kanak berumur 4 tahun ke atas dibenarkan masuk dengan syarat ditemani oleh orang dewasa. Bayaran akan dikenakan untuk menonton.
- Kamera dan sebarang alat rakaman tidak boleh dibawa masuk tanpa kebenaran Pengurusan Istana Budaya.
- Telefon bimbit dan alat kelui hendaklah dimatikan sewaktu memasuki auditorium.
- Merokok, membawa makanan dan minuman ke dalam auditorium adalah tidak dibenarkan sama sekali.
- Penonton dinasihatkan supaya menjaga barangan berharga. Istana Budaya tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kehilangan atau kerosakan terhadap barangan tersebut.

KOD PAKAIAN

- **Orkestra/Koir:** Sut rasmi, batik atau kemeja lengan panjang.
- **Teater:** Kemas, sopan dan bersesuaian.
- **Tidak Dibenarkan Memakai:** Seluar jeans yang lusuh/koyak, kemeja T dan V tidak berkolar, seluar pendek, pakaian menjolok mata, pakaian sukan, kasut sukan dan selipar.

PERINGATAN PENTING

- Pihak Istana Budaya berhak menafikan penonton daripada memasuki panggung jika tidak mematuhi garis panduan dan kod berpakaian yang digariskan di atas.
- Sebarang pindaan program persembahan perlulah dimaklumkan kepada pihak Istana Budaya tiga bulan notis sebelum program persembahan.

GENERAL INFORMATION FOR PRODUCERS (PANGGUNG SARI)

1 General

The first national theatre in Malaysia that is equipped with modern stage technology. A venue that is best for extravaganza and spectacular performances like opera, musical, dance theatre, classical and modern concert. The main hall (Panggung Sari) is 3-tier auditorium that can seat about 1411 audiences.

2 Application

2.1 Each application must be made by using the Production Proposal Form (provided by Public Relations Division). The form must be submitted together with company profile, ROC registration, registration certificate from Ministry of Finance, 3 months bank statement, production synopsis/concept, and brief history of the production. The application must be submitted to Public Relations Division, Istana Budaya.

2.2 A foreign production must be staged by a local producer. Once an approval is obtained from Istana Budaya, the producer shall submit an application to PUSPAL, a multi-agencies one-stop center for processing application to bring in foreign productions. The center can be contacted at +603 8911 5356.

2.3 A local production is exempted from condition set in 2.1. However, foreign and local productions shall need an entertainment license from Kuala Lumpur City Hall (DBKL). These productions also need to licenses to sell merchandise and to put up street banners, billboard and other visible advertisement in public premises. The licenses must be display at the Box Office throughout the duration of the performance.

2.4 A local production producer is also required to obtain a permit from the police.

3 Rental and Gate Collection

3.1	Deposit Booking Fee	RM3,000.00
3.2	Deposit for communications line (Telephones and Internet)	RM300.00 (Local production) RM2,000.00 (Foreign production)
3.3	Preparation (9.00am-5.00pm) (Bump-in, preparation, rehearsal, preview) *Extra charges is imposed for preparation carried out between 6.00pm – 9.00am	RM2,250.00 *per day
3.4	Performance and Matinee *The maximum duration for a performance is 2 ½ hours, inclusive of intervals. A performance shall begin at 8:30pm, and a matinee at 3.00pm. An extra charge is also imposed for performance carried out before or after the stipulated duration.	RM15,000.00 *per performance
3.5	Gate Collection *Another option for the organizer to pay the rental as stated in paragraph 3 is to remit Istana Budaya an agreed percentage of the gate collection.	

4. Complimentary Seat Collection

Istana Budaya reserves the right to be allocated complimentary tickets for these seats for every performance:

- Stalls Q13 – Q22 (10 seats)
- Stalls R14 – R29 (16 seats)

5. Audience Guidelines and Dress Code

The producer shall inform the audience about the guidelines and dress code attached as **ANNEX**.

6. Print/Advertisement

Any form of printing materials or advertisement for the said performance shall bear the official logo of Istana Budaya.

7. Ticketing

The producer shall use the service of the official ticketing agent appointed by Istana Budaya. The producer is prohibited to print tickets or complementary passes or invitation cards etc as entry mode into the theatre without the consent of the appointed ticketing agent.

Should there any enquiry or more information, kindly called:

+603 4026 5549 (Nurul Latifatullalliza Anuar) or +603 4026 5560 (Noorshamsurina Mohd Shaari).

**The information id subjected to change without prior notice.*

Istana Budaya
Ministry of Tourism and Culture Malaysia
Jalan Tun Razak
50694 Kuala Lumpur
Malaysia

Public Relations Division

AUDIENCE GUIDELINES

- The Istana Budaya's ushers, have the rights to prevent anyone who did not follow the above rules and regulations from watching the performance.
- Tickets sold are not returnable or exchange.
- Audience must be seated 15 minutes before the show begins.
- Late comers will have to wait for the right time to enter the auditorium in the waiting room.
- Children below 6 years old are not allowed in the auditorium. Exception is only for show specially made for children.
- For matinee production, children aged 4 are allowed to enter with adults supervision. There is a viewing charge.
- Cameras and any means of recording are not allowed without the Istana Budaya Management's permission.
- Mobile phones and pagers must be switched off when entering the auditorium.
- Smoking, food and drinks are not allowed in the auditorium.
- Audiences are advised to watch their belongings. Istana Budaya will not be responsible for any loss or damages.

DRESS CODE

- **Orchestra/Choir:** Formal attire or long sleeves shirt.
- **Theatre:** Neat, decent and appropriate.
- **Not Allowed To Wear:** Worn out/shabby jeans, round neck shirt, shorts, conspicuous attire, sports attire, sport shoes and slippers.

IMPORTANT REMINDER

- Istana Budaya reserves the right to deny entrance to audience who do not abide to the above-established guidelines and dress code.
- Any Artistic programs are subject to change need to inform at least three month prior notice.